

Pertahanan kedaulatan negara

PM tegas tiada kompromi terhadap desakan luar pertikai kedudukan Sabah, Sarawak

FOTO: BERNAMA

Shamran sarahan
am@hmetro.com.my

Sibu

Kerajaan tidak akan tunduk terhadap sebarang desakan luar yang cuba mempertikaikan kedudukan Sabah dan Sarawak dalam Malaysia.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, Kerajaan Pusat tidak berkompromi dalam soal membatikan kedaulatan kedua-dua negeri itu.

"Soal kedaulatan wilayah juga akan terus kita pertahankan tanpa sebarang kompromi. Saya ingin tegaskan Sabah dan Sarawak akan terus kekal berada dalam Malaysia.

"Kerajaan Persekutuan tidak akan tunduk kepada desakan mana-mana pihak cuba mempertikai kedaulatan negara kita," katanya ketika Sambutan Hari Malaysia di Stadium Tertutup Sibu di sini, semalam.

Turut hadir Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Abdul Taib Mahmud bersama isteri, Toh Puan Raghad Kurdi Taib dan Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg.

Beliau berkata, kerajaan



MUHYIDDIN tiba di Stadium Tertutup Sibu ketika Majlis Sambutan Hari Malaysia, semalam.

menerusi Majlis Keselamatan Negara serta agensi penguatkuasaan memikul tanggungjawab bersama untuk terus mempertingkatkan kawalan sempadan bagi me-

ngegang cubaan untuk menceroth dan mengancam kedaulatan negara.

"Ini termasuk melaksanakan Op Benteng dan meningkatkan penguatkuasaan

di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM)," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963

(MA63) ditubuhkan pada 9 September lalu diyakini dapat menyelesaikan isu dianggap sukar diselesaikan dengan baik di antara kerajaan Persekutuan dan ke-



Kerajaan Persekutuan tidak akan tunduk kepada desakan mana-mana pihak yang cuba mempertikai kedaulatan negara kita"

Muhyiddin

rajaan negeri.

Muhyiddin turut merakam penghargaan kepada kerajaan Sarawak di bawah kepemimpinan Abang Johari yang berunding dengan Petronas melalui Majlis Khas itu untuk mencapai kata sepakat mengenai urusan minyak dan gas serta cukai jualan ke atas produk petroleum di Sarawak.

Beliau memberi jaminan Majlis Khas itu mengadakan rundingan sama dengan Sabah selepas selesai Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah tidak lama lagi.

"Saya percaya apabila kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri sehaluan, yang untung ialah rakyat. In-sya-Allah, rundingan dengan Sabah akan kita lakukan selepas Pilihan Raya Negeri Sabah," katanya.